

14/05/2003

Golongan tertentu ajar Puteri budaya melobi

PETALING JAYA: Ketua Puteri Umno, Azalina Othman Said mendakwa ada golongan tertentu dalam Umno yang memberi contoh teladan yang tidak baik kepada generasi muda termasuk mengajar budaya melobi.

Beliau berkata, golongan terbabit ibarat `ketam yang cuba mengajar anak

berjalan lurus' tetapi mereka sendiri melakukan sebaliknya.

"Justeru saya meminta kepada abang dan kakak dalam Umno supaya mengajar

adik di dalam Puteri benda yang baik, kerana kami yang akan meneruskan perjuangan parti nanti seperti yang dinyatakan Presiden parti, Datuk Seri

Dr Mahathir Mohamad, sendiri," katanya ketika ditanya mengenai khabar angin yang mengatakan ada kalangan anggota Puteri yang cuba melobi tempat

tertentu termasuk untuk pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas melancarkan 5 novel Sri Diah di Hotel Singgahsana di sini, semalam.

Azalina berkata, adalah tidak wajar menuduh Puteri berdasarkan khabar angin dan jika benar pun mereka berbuat demikian, harus diambil kira siapa

yang mengajar mereka.

"Saya komen berlebihan-lebihan sebab kadang-kadang ada budaya yang memberi

contoh teladan tidak baik kepada generasi muda. Kalau nak kata orang melobi, kita kena tanya siapa yang mengajar.

"Ini yang menyebabkan saya kadang-kadang marah. Saya dah cakap jangan terbabit, belum apa-apa lagi ramai dah melobi nak pecah sempadanlah, nak jadi ketua bahagian barulah. Ini contoh tidak baik, mengajar adik-adik yang baru dalam politik mengenai perebutan kuasa," katanya.

Justeru kata beliau, jika nak dikatakan ada anggota Puteri yang melobi pun, mereka yang mengajar sebenarnya yang menjadi punca segala masalah dalam parti.

"Tapi mereka ini pandai bertopengkan pendirian mereka. Ini yang saya rasa tidak adil dikatakan Puteri saja. Sebabnya ialah pemilihan Umno tahun

depan, tapi ramai dah tunjuk budaya syok sendiri.

"Maaf saya bercakap. Tapi saya beri penekanan kepada Puteri supaya menumpu perhatian kepada pilihan raya umum akan datang dan mereka harus memberi kemenangan besar kepada Umno sebagai tanda mengucapkan terima kasih kepada Presiden parti yang menyokong pengwujudan Puteri sebagai entiti baru Umno," katanya.